

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN LOOK UP POINT BUKIT AMPANG

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini pembangunan Look Up Point Bukit Ampang?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PELEBARAN JALAN

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah agaknya rancangan kerajaan negeri untuk melebarkan jalan yang menjadi punca kesesakan agar memudahkan masyarakat khususnya di Dun Taman Templer?

JAWAPAN:

- a) Jalan utama di bawah penyelenggaraan pihak JKR yang berada di dalam DUN Taman Templer adalah jalan Persekutuan FT001. Bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas terutamanya di kawasan mendaki berhampiran dengan Taman Amansiara, permohonan untuk menaiktaraf jalan tersebut telah di serahkan pada 10 Februari 2020 kepada Caw. Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia di bawah program Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PERKHIDMATAN BAS PERCUMA

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana keberkesanan atau manfaat kemudahan servis Bas Percuma Smart Selangor di lokasi yang telah disediakan?
- b) Berapa bajet atau dana yang telah digunakan setakat ini?
- c) Bilakah pelaksanaan caj warga asing akan lakukan?

JAWAPAN:

- a) Perkhidmatan Bas Smart Selangor yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri merupakan salah satu daripada 33 program di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang sentiasa mendapat sambutan dari pelbagai golongan masyarakat. Ini disebabkan oleh perkhidmatan bas yang diberikan secara percuma dengan laluan-laluan sosial yang sangat diperlukan serta kemudahan yang lengkap dan selesa.

Manfaat daripada pelaksanaan Bas Smart Selangor ini dapat dilihat dari aspek peningkatan kesalinghubungan dan jaringan di antara pengangkutan awam sedia ada seperti komuter, LRT, MRT dan BRT, dapat menghubungkan laluan-laluan sosial dengan laluan utama di sesetengah kawasan, dari luar bandar ke pusat bandar serta perkhidmatan bas yang melalui kemudahan awam yang penting seperti fasiliti kesihatan iaitu klinik dan hospital, sekolah, jabatan dan agensi kerajaan yang terdapat di sepanjang laluan Bas Smart Selangor. Di samping itu, perkhidmatan bas yang disediakan ini juga dapat membantu mengurangkan beban perbelanjaan yang digunakan untuk pengangkutan berbayar seperti teksi, bas sekolah dan sebagainya yang secara tidak langsung penjaminan tersebut dapat digunakan untuk keperluan lain yang lebih penting. Ini kerana pengguna Bas Smart Selangor kebanyakannya terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat iaitu murid dan pelajar sekolah, penuntut kolej dan universiti, pekerja-pekerja swasta dan orang awam yang menggunakannya bagi urusan-urusan harian.

Dalam aspek keberkesanan pula, perkhidmatan bas ini memberikan impak terhadap penggunaannya yang dilihat semakin meningkat berdasarkan jumlah penggunaan perkhidmatan tersebut yang kini mencecah 46 juta penumpang (bagi tempoh 1 Julai 2015 hingga 31 Januari 2020). Selain itu, peningkatan penggunaan bas juga mampu mengurangkan kadar penggunaan kenderaan persendirian di jalan raya.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik kepadatan trafik (*Road Traffic Volume Malaysia-RTVM*) tahun 2019 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya, kadar kepadatan trafik di Negeri Selangor pada tahun tersebut telah menurun sebanyak 14.12 peratus (14.12%). Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri yakin bahawa perkhidmatan Bas Smart Selangor turut menyumbang kepada penurunan kadar tersebut. Namun, masih terdapat permintaan-permintaan laluan baru mahupun pindaan laluan sedia ada yang boleh diperbaiki dan dipertingkatkan bagi mengisi keperluan jaringan pengangkutan awam dari semasa ke semasa yang mana pelaksanaannya tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri.

- b) Kos bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM106 juta (RM106,114,843.84). Daripada jumlah tersebut, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM81 juta (RM81,126,757.84), manakala Pihak Berkuasa Tempatan yang terdiri daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pula telah mengeluarkan kos sebanyak RM24 juta (RM24,988,086.00). Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri dijangka akan membelanjakan sebanyak RM29,837,410.00 bagi meneruskan perkhidmatan Bas Smart Selangor yang kini mempunyai 43 laluan dengan 138 buah bas.

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) sedang menjalankan sesi percubaan bagi *Proof Of Concept* (POC) untuk sistem yang akan digunapakai di dalam perkhidmatan Bas Smart Selangor sebelum ia dapat dilaksanakan sepenuhnya. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri perlu mendapatkan kelulusan daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) terlebih dahulu sebelum dibenarkan mengenakan caj kepada penumpang khususnya kepada warga asing. Kerajaan Negeri menjangkakan ianya dapat dilaksanakan pada suku ketiga tahun ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PERUNTUKAN KEPADA PESAKIT TIBI

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peruntukan keseluruhan yang diperuntukkan Kerajaan Negeri Selangor bagi pesakit tibi dan nyatakan jumlah pesakit yang menghidapi tibi bagi tahun 2018 - 2019?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan dana khas kewangan untuk pesakit kronik seperti kanser, jantung dan penyakit lain?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali ;

Jumlah Pesakit TB yang didaftar bagi tahun 2018 dan 2019 adalah seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1: Jumlah Kes Mengikut Tahun dan Kewarganegaraan

| Bil | Tahun | Jumlah Kes | Jumlah Kes Warganegara | Jumlah Kes Bukan Warganegara |
|-----|-------|------------|------------------------|------------------------------|
| 1 | 2018 | 5071 | 4438 | 633 |
| 2 | 2019 | 5303 | 4623 | 680 |

Empat (4) daerah yang mempunyai kes tertinggi ialah Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Klang dengan jumlah kes seperti jadual 2

| Bil | Daerah | Tahun | |
|-----|-------------|-------|------|
| | | 2018 | 2019 |
| 1 | Petaling | 1441 | 1557 |
| 2 | Hulu Langat | 1225 | 1217 |
| 3 | Gombak | 848 | 899 |

| | | | |
|---|-------|-----|-----|
| 4 | Klang | 765 | 772 |
|---|-------|-----|-----|

Pada tahun 2018, terdapat sebanyak 5071 kes TB telah didaftarkan di Selangor. Empat daerah telah mencatatkan kes tertinggi, iaitu di daerah Petaling (1441 kes), Hulu Langat (1225 kes), Gombak (848 kes) dan di Kelang (765 kes). Seramai 4438 orang adalah warganegara Malaysia, dan seramai 633 orang adalah bukan warganegara Malaysia. Seramai 3200 pesakit adalah lelaki manakala 1871 pesakit pula adalah wanita. Bangsa Melayu adalah tertinggi, iaitu seramai 2888 orang, diikuti oleh bangsa Cina seramai 807 orang dan India seramai 567 orang. Kes TB kanak-kanak pula adalah seramai 133 orang. Sebanyak 2906 kes adalah PTB smear positif, manakalan 1203 kes adalah PTB smear negatif manakala kes extra PTB adalah seramai 936 orang.

Kesimpulan Tahun 2018

1. Jumlah kes TB –
2. Kewarganegaraan : Warganegara – 4438 orang; Bukan Warganegara – 633 orang
3. Kes kanak-kanak (0 -14 tahun) – 133 kes
4. Jantina : Lelaki – 3200 orang; perempuan – 1871 orang
5. Bangsa : Melayu – 2888 orang; Cina – 807 orang; India – 567 orang
6. Subdiagnosis : PTB smear positive –2906 kes; PTB smear negative –1203 kes; Extra PTB – 936 kes
7. Empat daerah tertinggi : Petaling –1441 kes; Hulu Langat –1225 kes; Gombak –848 kes; Kelang – 765 kes

Tahun 2019

Pada tahun 2019, terdapat sebanyak 5303 kes TB telah didaftarkan di Selangor (peningkatan sebanyak 4.6%). Empat daerah telah mencatatkan kes tertinggi, iaitu di daerah Petaling (1557 kes), Hulu Langat (1217 kes), Gombak (899 kes) dan di Kelang (772 kes). Seramai 4623 orang adalah warganegara Malaysia, dan seramai 680 orang adalah bukan warganegara Malaysia. Seramai 3378 pesakit adalah lelaki manakala 1925 pesakit pula adalah wanita.

Bangsa Melayu adalah tertinggi, iaitu seramai 2933 orang, diikuti oleh bangsa Cina seramai 859 orang dan India seramai 614 orang. Kes TB kanak-kanak pula adalah seramai 159 orang (peningkatan sebanyak 19.6%). Sebanyak 3006 kes adalah PTB smear positif, manakalan 1204 kes adalah PTB smear negatif manakala kes extra PTB adalah seramai 1032 orang.

Kesimpulan Tahun 2019

1. Kewarganegaraan : Warganegara – 4623 orang; Bukan Warganegara – 680 orang
2. Kes kanak-kanak (0 -14 tahun) – 159 orang
3. Jantina : Lelaki - 3378 orang; perempuan – 1925 orang
4. Bangsa : Melayu – 2933 orang; Cina – 85 orang 9; India – 614 orang
5. Subdiagnosis : PTB smear positive – 3006 kes; PTB smear negative – 1204 kes; Extra PTB – 1032 kes
6. Empat daerah tertinggi = Petaling – 1557 kes; Hulu Langat – 1217 kes; Gombak – 899 kes; Kelang – 772 kes

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : ISU FOOD TRUCK DI SELANGOR

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan untuk mengecualikan bayaran permit *food truck* di Selangor untuk membantu golongan belia lebih ramai dalam bidang ini ?
- b) Adakah PBT telah bersedia menyediakan lebih banyak lokasi lagi untuk penempatan *food truck* di DUN Sentosa?

JAWAPAN:

- a) Pihak PBT mengenakan Fi Lesen /Permit Trak Bergerak selaras dengan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bil. 2 Tahun 2018 yang bertarikh 11 November 2018 (No Rujukan:JKT.D.100-1/3/2 Jld.8 (34). Walau bagaimanapun, terdapat inisiatif-inisiatif yang dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak untuk PBT membantu peniaga jenis *food truck* berniaga dengan membuat pengecualian fi permit semasa penganjuran program yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan.
- b) PBT telah menyediakan tapak penjaja di Jalan Dato Yusof Shahbudin 28, Taman Sentosa bagi program penyusunan penjaja termasuk *food truck* di sekitar DUN Sentosa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG TANPA IZIN

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah banyakkah jumlah kilang tanpa izin di Selangor yang masih belum diputihkan sehingga sekarang?
- b) Berapakah banyak permohonan telah diterima, masih diproses dan telah diluluskan di setiap Pejabat Tanah sehingga sekarang?

JAWAPAN:

- a) Statistik kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Statistik bagi permohonan mengubah kategori dan tukar syarat tanah di bawah seksyen 124(1)(a) dan (c) adalah seperti berikut;

| BIL. | DAERAH | BIL. MOHON TUKAR SYARAT | LULUS |
|-------------|----------------|--|--------------|
| 1. | PETALING | 6 | 6 |
| 2. | KLANG | 9 | 9 |
| 3. | GOMBAK | 1 | 1 |
| 4. | HULU LANGAT | | |
| 5. | SEPANG | 2 | 2 |
| 6. | KUALA LANGAT | | |
| 7. | KUALA SELANGOR | | |

| | | | |
|---------------|---------------|-----------|-----------|
| 8. | HULU SELANGOR | | |
| 9. | SABAK BERNAM | | |
| JUMLAH | | 18 | 18 |

LAMPIRAN 1

STATISTIK KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT KAWASAN DEWAN
UNDANGAN NEGERI (DUN) SEHINGGA DISEMBER 2015
(KEMASKINI PADA 23.11.2018)

| Bil. | Daerah | PBT | Jumlah | | Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN) | | | | | | |
|------|----------|---------------|--------------|--------|---|------------|----------------|------------------------------|------------------------------|-----------|------------|
| | | | Lot | Kilang | Kawasan DUN | | | Jumlah Yang Telah Diputihkan | Jumlah Yang Belum Diputihkan | | |
| 1. | Petaling | MBSA | 787 | 705 | Seksyen U3 | N38 | Paya Jaras | 3 | 14 | | |
| | | | | | | N39 | Kota Damansara | 3 | 14 | | |
| | | | | | Seksyen U4 | N38 | Paya Jaras | 6 | 95 | | |
| | | | | | | N39 | Kota Damansara | 6 | 94 | | |
| | | | | | Seksyen U6 | N39 | Kota Damansara | 26 | 57 | | |
| | | | | | | N40 | Kota Anggerik | 27 | 58 | | |
| | | | | | Seksyen U14 | N42 | Meru | 0 | 3 | | |
| | | | | | Seksyen U15 | N42 | Meru | 0 | 3 | | |
| | | | | | Seksyen U19 | N38 | Paya Jaras | 4 | 145 | | |
| | | | | | | N39 | Kota Damansara | 3 | 144 | | |
| | | | | | MBPJ | 20 | 20 | Bandar Utama | | 0 | 17 |
| | | | | | | | | Kampung Tunku | | 0 | 3 |
| | | | | | MPSJ | 145 | 252 | N28 | Seri Kembangan | 0 | 104 |
| | | N29 | Seri Serdang | 0 | | | | 18 | | | |
| | | N30 | Kinrara | 0 | | | | 38 | | | |
| | | N31 | Subang Jaya | 0 | | | | 88 | | | |
| | | N50 | Seri Muda | 0 | | | | 4 | | | |
| | | JUMLAH | | | 952 | 977 | JUMLAH | | | 78 | 899 |

| Bil. | Daerah | PBT | Jumlah | | Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN) | | | | | | |
|------|--------|---------------|-------------------|--------|---|------------|---------------|------------------------------|------------------------------|------------|------------|
| | | | Lot | Kilang | Kawasan DUN | | | Jumlah Yang Telah Diputihkan | Jumlah Yang Belum Diputihkan | | |
| 2. | Klang | MBSA | 226 | 227 | Seksyen 16 | N40 | Kota Anggerik | 4 | 37 | | |
| | | | | | Seksyen 25 | N50 | Sri Muda | 1 | 22 | | |
| | | | | | Seksyen 32 | N50 | Sri Muda | 1 | 45 | | |
| | | | | | Seksyen 34 | N49 | Sungai Kandis | 3 | 37 | | |
| | | | | | Seksyen 35 | N49 | Sungai Kandis | 1 | 21 | | |
| | | | | | Seksyen 36 | N48 | Sentosa | 0 | 26 | | |
| | | | | | | N49 | Sungai Kandis | 3 | 26 | | |
| | | | | | MPK | 535 | 623 | N40 | Kota Anggerik | 2 | 0 |
| | | | | | | | | N41 | Batu Tiga | 0 | 6 |
| | | | | | | | | N42 | Meru | 15 | 63 |
| | | | | | | | | N43 | Sementa | 6 | 199 |
| | | | | | | | | N44 | Selat Klang | 4 | 38 |
| | | N45 | Bandar Baru Klang | 6 | | | | 24 | | | |
| | | N46 | Pelabuhan Klang | 59 | | | | 78 | | | |
| | | N47 | Pandamaran | 1 | 3 | | | | | | |
| | | N48 | Sentosa | 5 | 88 | | | | | | |
| | | N49 | Sungai kandis | 2 | 24 | | | | | | |
| | | JUMLAH | | | 761 | 850 | JUMLAH | | | 113 | 737 |

| Bil. | Daerah | PBT | Jumlah | | Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN) | | | |
|------|-------------|------|--------|--------|---|--------------|------------------------------|------------------------------|
| | | | Lot | Kilang | Kawasan DUN | | Jumlah Yang Telah Diputihkan | Jumlah Yang Belum Diputihkan |
| 3. | Hulu Langat | MPKj | 351 | 389 | N23 | Dusun Tua | 4 | 2 |
| | | | | | N24 | Semenyih | 22 | 40 |
| | | | | | N25 | Kajang | 9 | 13 |
| | | | | | N26 | Sungai Ramal | 23 | 19 |

| Bil. | Daerah | PBT | Jumlah | | Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN) | | | |
|---------------|----------------|------|------------|------------|---|--------------------|------------------------------|------------------------------|
| | | | Lot | Kilang | Kawasan DUN | | Jumlah Yang Telah Diputihkan | Jumlah Yang Belum Diputihkan |
| | | | | | N27 | Balakong | 178 | 79 |
| | | MPAJ | | 39 | | Bukit Antarabangsa | 0 | 39 |
| JUMLAH | | | 351 | 428 | JUMLAH | | 236 | 192 |
| 4. | Gombak | MPAJ | 0 | 0 | - | | - | - |
| | | MPS | 77 | 137 | N13 | Kuang | - | 16 |
| | | | | | N14 | Rawang | 4 | 37 |
| | | | | | N16 | Sungai Tua | 9 | 51 |
| | | | | | N37 | Bukit Lanjan | 10 | 10 |
| JUMLAH | | | 77 | 137 | JUMLAH | | 23 | 114 |
| 5. | Sepang | MPSp | 64 | 55 | N55 | Dengkil | 47 | 0 |
| | | | | | N56 | Sungai Pelek | 8 | 0 |
| JUMLAH | | | 64 | 55 | JUMLAH | | 55 | 0 |
| 6. | Kuala Langat | MDKL | 177 | 196 | N51 | Sijangkang | 62 | 26 |
| | | | | | N52 | Banting | 19 | 33 |
| | | | | | N53 | Morib | 11 | 11 |
| | | | | | N54 | Tanjung Sepat | 3 | 24 |
| | | | | | N55 | Dengkil | 3 | 4 |
| JUMLAH | | | 177 | 196 | JUMLAH | | 98 | 98 |
| 7. | Kuala Selangor | MDKS | 149 | 149 | N08 | Sungai Burong | 1 | 6 |
| | | | | | N09 | Permatang | 1 | 23 |
| | | | | | N10 | Bukit Melawati | 1 | 27 |
| | | | | | N11 | Ijok | 1 | 44 |
| | | | | | N12 | Jeram | 3 | 42 |
| JUMLAH | | | 149 | 149 | JUMLAH | | 7 | 142 |

| Bil. | Daerah | PBT | Jumlah | | Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN) | | |
|---------------|---------------|------|--------------|--------------|---|------------------------------|------------------------------|
| | | | Lot | Kilang | Kawasan DUN | Jumlah Yang Telah Diputihkan | Jumlah Yang Belum Diputihkan |
| 8. | Hulu Selangor | MDHS | 23 | 53 | Kuala Kubu Baru | 4 | 4 |
| | | | | | Batang Kali | 11 | 22 |
| | | | | | Hulu Bernam | 1 | 11 |
| JUMLAH | | | 23 | 53 | JUMLAH | 16 | 37 |
| 9. | Sabak Bernam | MDSB | 24 | 22 | N01 Sungai Air Tawar | 0 | 1 |
| | | | | | N02 Sabak | 2 | 5 |
| | | | | | N03 Sungai Panjang | 0 | 4 |
| | | | | | N04 Sekinchan | 2 | 8 |
| JUMLAH | | | 24 | 22 | JUMLAH | 4 | 18 |
| JUMLAH | | | 2,578 | 2,867 | JUMLAH | 630 | 2,237 |

**Nota: "Jumlah yang telah diputihkan" bermaksud jumlah kilang yang telah mempunyai kelulusan tukar syarat, pelan kebenaran merancang dan pelan bangunan. Maklumat tersebut diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : KESAN EKONOMI AKIBAT COVID 19

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah impak isu Covid 19 terhadap pengembangan & perancangan ekonomi Negeri Selangor
- b) Apakah sektor industri yang paling terjejas dengan fenomena ini
- c) Berapakah jumlah kerugian yang telah dialami oleh sektor pelancongan di Selangor

JAWAPAN:

- a) Antara impak serta merta terhadap ekonomi akibat penularan COVID-19 di peringkat serantau adalah penurunan kedatangan pelancong. Kesan yang lebih ketara turut membabitkan hotel, penerbangan, syarikat pelancongan dan ke atas industri peruncitan secara meluas. Walau bagaimanapun, di peringkat negeri, impak tersebut masih tidak ketara. Dari sudut positif, pelabur kini dilihat beralih arah dengan mendekati negara-negara Asia Tenggara termasuk Selangor untuk membuat pelaburan baharu. Perkembangan itu secara tidak langsung membuka mata pelabur dunia yang hanya memilih China untuk menjadi pengilang utama sejak 10 tahun lalu. Negeri Selangor mendapat sedikit kelebihan yang menyaksikan pelabur sektor perubatan dan farmaseutikal mula mencari peluang di Selangor ekoran penularan wabak tersebut. Dasar Kerajaan Negeri yang mesra pelabur dan kemudahan infrastruktur berkualiti tinggi antara faktor yang menarik pelabur untuk menjadikan Selangor destinasi pilihan.
- b) Jangkaan awal adalah wabak ini berpotensi untuk memberi kesan terhadap pelaburan asing ke Negeri Selangor. Namun begitu, sektor industri yang paling terjejas dengan fenomena ini tidak dapat dipastikan pada masa ini dan agak sukar untuk dinilai kerana penularan wabak tersebut masih di peringkat awal dan kesannya masih belum dapat diukur dalam tempoh ini.
- c) Sehingga kini, tiada data khusus mengenai jumlah kerugian yang telah dialami oleh sektor pelancongan di Selangor akibat isu Covid 19 ini. Walaubagaimanapun, daripada maklumbalas penggiat industri pelancongan yang telah diterima seperti

agensi pelancongan, hotel dan operator produk pelancongan, melaporkan sebanyak 50% hingga 60% penurunan termasuk kedatangan pengunjung dan tempahan pelancongan sejak isu ini berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan pengguna Air Darul Ehsan yang berjaya mendaftar dan tidak berjaya mendaftar?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri dapat memberi bantuan jika pengguna tersebut miskin tegar dan tidak berpelajaran?

JAWAPAN:

Soalan Skim Air Darul Ehsan (SADE) dijawab bersekali dengan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Burong (Soalan No. 51), Yang Berhormat Sijangkang (Soalan No. 82), Yang Berhormat Bandar Utama (Soalan No. 204), Yang Berhormat Pandamaran (Soalan No. 248), Yang Berhormat Sungai Panjang Soalan No. 275) dan Yang Berhormat Hulu Bernam (Soalan No. 284).

Yang Berhormat semuanya berminat untuk mengetahui status bilangan pengguna yang telah mendaftar untuk SADE. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan rakyat Negeri Selangor yang mendapat air percuma di bawah SADE dianggarkan sejumlah 250,000 akaun (190,000 akaun pengguna meter individu dan kira-kira 60,000 akaun pengguna rumah pangsa kos rendah dalam kategori meter pukal). Terdapat sebanyak 25,795 permohonan gagal kerana pemohon tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan, iaitu terdiri dari mereka yang mempunyai pendapatan lebih dari RM4,000.00, premis di luar Selangor dan mempunyai akaun air bukan domestik.

Semakan keputusan SADE boleh dibuat melalui Portal Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) dengan menggunakan login & password yang didaftarkan ketika membuat pendaftaran dahulu bermula pada 16 Mac 2020. Pada masa yang sama, pemakluman kepada pengguna akan dibuat menerusi email dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Yang Berhormat Bandar Utama bertanyakan mengenai tarikh pendaftaran baru kepada pemohon yang layak untuk mendaftarkan diri di bawah Skim Air Darul Ehsan. Kerajaan Negeri telah bersetuju pendaftaran baru dibuka semula bermula

pada 01 April 2020 dan sekiranya pemohon ini memenuhi semua syarat, ia akan layak menikmati air percuma mulai pada 01 September 2020.

Yang Berhormat Sungai Panjang, Yang Berhormat Sungai Burong dan Yang Berhormat Hulu Bernam bertanyakan berapa anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri di dalam membiayai SADE. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20-meter padu semenjak Jun 2008 hingga Disember 2019. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri di bawah Skim Air Darul Ehsan ini dianggarkan akan berkurangan dari RM180 juta setahun kepada RM35 juta setahun berdasarkan kepada anggaran 250,000 jumlah permohonan yang telah berjaya mendapat SADE.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerja-kerja pembersihan yang dilakukan oleh pihak KDEB banyak menggunakan tenaga pekerja asing. Apakah langkah atau usaha oleh pihak Kerajaan Negeri untuk lebih mengutamakan pekerja tempatan supaya dapat memberi peluang pekerjaan kepada mereka?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB Batang Kali, KDEBWM dan juga pihak sub-kontraktor di sentiasa mengalu-alukan pembabitian warga tempatan yang berminat untuk berkhidmat di dalam sektor pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Walaubagaimanapun, realitinya permohonan warga tempatan untuk bekerja di dalam industri 3D – *Difficult, Dangerous, Dirty* ini adalah amat rendah. Kesukaran kerja dengan imbuhan yang relatifnya rendah tidak begitu menarik minat warga tempatan untuk memohon kerja di dalam industri ini.

Berdasarkan rekod, terdapat beberapa sub-kontraktor KDEBWM yang menggunakan tenaga kerja warga tempatan khususnya dari kalangan orang asli dan juga bangsa-bangsa lain. Walaubagaimanapun pemerhatian yang dibuat mendapati kebanyakan daripada sub-kontraktor yang menggunakan tenaga kerja warga tempatan menghadapi masalah *high attrition rate* atau kadar pekerja berhenti yang tinggi kerana kebanyakkan daripada mereka tidak dapat memberikan komitmen yang sepenuhnya untuk berkhidmat bermula seawal pagi dalam keadaan berpanas dan berhujan selain bau yang kurang menyenangkan. Mereka juga perlu bekerja 365 hari setahun kerana perkhidmatan KDEBWM adalah pada setiap hari termasuk cuti hujung minggu dan cuti am. KDEBWM dan juga semua sub-kontraktor yang dilantik sentiasa mengamalkan dasar terbuka dan mengalu-alukan sekiranya terdapat warga tempatan yang berminat untuk bekerja khususnya sebagai krew kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Warga tempatan yang berminat boleh memohon secara terus kepada mana-mana sub-kontraktor KDEBWM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KILANG HARAM

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan Jumlah kilang haram yang terkini yang telah dikesan mengikut PBT?
- b) Nyatakan garis panduan yang ada mengikut PBT dalam proses menutup kilang haram?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : DESA SUBANG PERMAI - JALAN ALTERNATIF KE KILANG KILANG
SEKITAR**

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana status pembinaan laluan alternatif tersebut telah berjalan memandangkan kerja jalan dan parit di jangka di laksanakan pada tahun 2020 ?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah status terkini bagi jalan alternatif ke sekitar kilang di Desa Subang Permai:-

1. Penyediaan Kemudahan Jalan Untuk Lot-Lot Kilang PT 3995-PT 4001, PT 3734 & PT 3735 Melalui Jalan Bukit Badak.

Jangkaan jadual kerja bagi penyediaan kemudahan jalan untuk kegunaan kilang yang terlibat di Jalan Bukit Badak (bersebelahan perumahan Desa Subang Permai seksyen U6)

SKOP KERJA & TEMPOH

- i) Kerja pengukuran (Nov. 2019)
 - Kerja-kerja pengukuran ditapak & penyediaan pelan ukur telah siap dilaksanakan.
- ii) Pejabat Tindakan Daerah Petaling akan mengeluarkan notis mengosongkan rezab jalan pada bulan April 2020
- iii) Pihak Majlis akan membuat lantikan Perunding bagi penyediaan dokumen tender & pelan perincian.
- iv) Kerja-kerja menyediakan kemudahan infrastruktur dijangka akan dimulakan dalam tempoh 6 bulan selepas tindakan perkara iii diatas.

2. Penyediaan Kemudahan Jalan Untuk Lot-Lot Kilang Lot 4012-4023 (Pemutihan Kilang) Melalui Jalan Perumahan Desa Subang permai.

SKOP KERJA & TEMPOH

- i. Mesyuarat pada 26 Februari 2020 bersama pemilik-pemilik kilang minta persetujuan untuk penyerahan tanah bagi menyediakan kemudahan infrastruktur untuk simpanan & serahan jalan selebar 6 meter.
- ii. Kesemua pemilik-pemilik tanah terlibat bersetuju untuk berkongsi kos dalam menyediakan kemudahan infrastruktur tersebut.
- iii. Pihak Majlis akan membuat lantikan Perunding bagi penyediaan dokumen tender & pelan perincian.
- iv. Kerja-kerja menyediakan kemudahan infrastruktur dijangka akan dimulakan dalam tempoh 6 bulan selepas tindakan perkara iii diatas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PERMOHONAN KERAJAAN NEGERI UNTUK RMK12

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bilangan dan jumlah projek yang dipohon oleh Kerajaan Negeri dibawah RMK12.

- b) Sila senaraikan projek bernilai lebih daripada RM100 juta yang dipohon.

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali ;

Untuk makluman, sehingga Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) akan dilaksanakan bermula 2021 sehingga 2025. Ahli-ahli YB, Kerajaan Negeri telah menerima dan memperakukan sebanyak 264 cadangan projek daripada jabatan/agensi dengan kos keseluruhan sebanyak RM103,343,968,518.46 untuk dilaksanakan di bawah RMKe-12.

Bagi projek yang bernilai lebih daripada RM100 juta pula, sebanyak 45 projek telah tersenarai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PELANCONGAN DI NEGERI SELANGOR

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan penglibatan golongan wanita, OKU serta Warga Emas di dalam sektor pelancongan negeri?

JAWAPAN:

- a) Antara usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan penglibatan golongan wanita, OKU serta Warga Emas di dalam sektor pelancongan negeri adalah seperti berikut:-
- I. Mewujudkan pakej pelancongan fokus khusus kepada golongan wanita, OKU serta warga emas dengan kerjasama agensi pelancongan tempatan dan antarabangsa.
 - II. Penganjuran acara dan program pelancongan di sekitar negeri Selangor yang memberi penekanan kepada golongan ini seperti Malaysia Women Marathon 2020, Pesta Bendang 2020, Selangor International Indigenous Arts Festival 2020 dan Wings of Kuala Kubu Bharu 2020.
 - III. Program pembangunan dan latihan pelancongan seperti Latihan Hos Komuniti Negeri Selangor dan Program Pemurnian Pelancongan Negeri Selangor (P3S) yang memberi penekanan terhadap penglibatan golongan wanita, OKU serta Warga Emas.
 - IV. Penyediaan kemudahan asas seperti tandas, laluan jalan, tempat parkir, papan tunjuk arah dan sebagainya di kawasan pelancongan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENDIDIKAN SIVIK SELEPAS HAD UMUR MENGUNDI DITURUNKAN KE
18 TAHUN**

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memperkasakan belia dari aspek pendidikan sivik selepas had umur mengundi diturunkan ke 18 tahun?

JAWAPAN:

1. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor tiada mempunyai sebarang pendekatan spesifik dalam memberi pendidikan sivik kepada generasi belia selepas had umur mengundi diturunkan ke 18 tahun.
2. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor sentiasa memberikan tumpuan kepada pembentukan sahsiah dan jati diri generasi muda di dalam setiap penganjuran program. Antaranya seperti :

2.1. Sekolah Rukun Negara Peringkat Negeri Selangor

Program ini memfokuskan kepada memberi kesedaran tentang kepentingan semangat kenegaraan, patriotisme, nilai-nilai politik dan tadbir urus negara dalam kalangan generasi muda

Program ini telah mendapat kerjasama daripada pihak Akademi Pilihan Raya Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (*i-LEAD*), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

2.2. Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda

Program yang menitikberatkan kepada peningkatan dan pembentukan diri remaja secara holistik serta mencabar kemampuan diri sendiri melalui 4 komponen utama iaitu Penjelajahan Lasak, Khidmat Komuniti, Rekreasi Fizikal dan Kemahiran untuk tempoh 6 bulan hingga setahun sebelum dianugerahkan pingat Gangsa, Perak atau Emas.

Program ini adalah merupakan program yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan hampir 150 buah negara turut melaksanakannya serta mendapat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

2.3. Program Rakan Muda Aktif

Program ini merupakan program yang diberi nafas baru sebagai platform untuk menarik minat anak muda tentang aktiviti masa kini berteraskan minat dan kesukaan mereka.

Program ini melibatkan 5 teras utama gaya hidup dan memberikan penekanan kepada elemen pembangunan diri golongan muda dan pembentukan modal insan iaitu Rakan Cinta Alam (ekspedisi, eksplorasi, perkhemahan dan peerokaan alam), Rakan Masyarakat (gotong-royong, khidmat sosial dan masyarakat), Rakan Kecergasan (sukan, rekreasi dan kecergasan), Rakan Inovasi (reka cipta, kreativiti dan teknologi siber) dan Rakan Seni Budaya (tarian, nyanyian, muzik, lakonan dan teater).

2.4. Rakan Muda di Hati

Program ini diadakan sepanjang bulan Ramadan dengan beberapa pengisian aktiviti seperti bertadarus Al-Quran, tazkirah dan solat tarawih bertujuan memberikan input kerohanian kepada generasi muda agar sentiasa mengamalkan ajaran Al-Quran dan Sunnah serta mengeratkan persaudaraan serta ukhuwah golongan muda.

Program yang melibatkan komuniti setempat ini juga dilihat mampu mendidik dan menjentik jiwa generasi muda untuk mendekatkan diri dengan masyarakat.

2.5. Rakan Muda GR

Program ini bertujuan untuk menyediakan platform kepada para remaja/belia melaksanakan aktiviti kesukarelawanan secara sistematik dan teratur tanpa mengira bangsa dan agama dalam melaksanakan kerja-kerja kesukarelaan.

GR membawa maksud aktiviti **Gotong Royong** yang dilaksanakan di lokasi pedalaman (**Go Rural**) yang melibatkan peserta di **Grass Root**. Program ini amat menarik kerana mempunyai pendekatan berbeza dan memiliki tema untuk dilaksanakan pada setiap bulan iaitu:

- ✧ Bulan Pertama - Orang Asli / Pelarian / Tanpa Kerakyatan
(*stateless*)
- ✧ Bulan Kedua - Rumah-rumah Ibadat
- ✧ Bulan Ketiga - Rumah Orang Kelainan Upaya / Anak Yatim /
Gelandangan
- ✧ Bulan Keempat - Pusat Rekreasi / Taman-Taman Awam / Alam
Sekitar / Alam Semula Jadi
- ✧ Bulan Kelima - Haiwan / Hidupan Liar / Hidupan Laut

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : JURANG PEMBANGUNAN ANTARA BANDAR DAN LUAR BANDAR

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk merapatkan jurang pembangunan sosio ekonomi di antara luar bandar dan bandar supaya kekayaan ekonomi negeri dapat dikongsi bersama?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK)

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah agihan sebenar untuk BKK tahun 2019 yang lepas?
- b) Adakah BKK akan diteruskan pada tahun 2020?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah membayar Bantuan Khas Kewangan (BKK) pada tahun 2019 sebanyak 2 kali iatu pada bulan Mei 2019 berjumlah RM31,798,350.71 dengan bilangan penerima sebanyak 17,040 orang dan pada Disember 2019 berjumlah RM32,196,839.89 dengan bilangan penerima sebanyak 17,147 orang, menjadikan jumlah keseluruhan bayaran Bantuan Khas Kewangan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM63,995,190.60.
- b) **JAWAPAN MASIH BELUM DITERIMA DARIPADA PEJ. MB**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : LAMPU ISYARAT

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi menggantikan lampu isyarat yang rosak/hilang/tidak berfungsi dibawah seliaan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan? sila nyatakan mengikut DUN.

- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah kecurian/kehilangan lampu isyarat?

JAWAPAN:

- a) Di bawah peruntukan MARRIS, kerja-kerja penyelenggaraan elektrik bagi menelenggara lampu jalan dan lampu syarat berjumlah RM6 Juta setahun bagi seluruh Negeri Selangor. Peruntukan ini diagihkan kepada 9 daerah di Negeri Selangor mengikut keperluan serta kuantiti aset elektrik yang berada di daerah tersebut. Sila rujuk Lampiran 1 untuk peruntukan yang telah dibelanjakan di Daerah Klang.

Untuk Jalan Persekutuan, Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKR Selangor telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM600,000.00 untuk menyelenggara lampu jalan dan lampu isyarat di seluruh Negeri Selangor.

- b) JKR Selangor telah mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi masalah kecurian/kehilangan lampu isyarat. Walau bagaimanapun, masalah ini masih lagi berlaku dan amat sukar dibendung. Bagi kawasan Pelabuhan Klang, Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKR Selangor sedang dalam proses reka bentuk bagi penggunaan produk berasaskan solar melibatkan beberapa Jalan Persekutuan dengan anggaran kos berjumlah RM3 Juta dan dijangka akan digunapakai pada bulan Oktober 2020. Inisiatif ini dijangka dapat mengatasi masalah vandalism yang berlaku kerana tiada pendawaian dan feeder pillar diperlukan bagi pembekalan sumber tenaga kepada lampu jalan dan lampu isyarat untuk berfungsi.

CADANGAN PROJEK PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI TAHUN 2020
PROGRAM : WANG AMANAH PENYELENGGARAAN JALAN
KOD AKTIVITI : 50 – LAMPU JALAN & LAMPU ISYARAT

| Bil | Daerah | Perihal Kerja | Harga Anggaran Asal (RM) |
|--------------------|---------------|---|---------------------------------|
| 1 | KLANG | KERJA-KERJA SENGGARAAN LAMPU JALAN NEGERI DI JALAN HAJI ABDUL MANAN, SUNGAI PULOH, HAJI SIRAT, TOK MUDA, BUKIT KAPAR, KAPAR, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN | 300,000.00 |
| 2 | KLANG | KERJA-KERJA SENGGARAAN LAMPU JALAN NEGERI DI JALAN PANDAMARAN, JALAN SG. SIREH DAN JALAN TELOK GONG, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN | 150,000.00 |
| 3 | KLANG | KERJA-KERJA SENGGARAAN LAMPU ISYARAT NEGERI DI SIMPANG HAJI SIRAT, SIMPANG AMAN PERDANA DAN SIMPANG BUKIT KAPAR KUARI, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN | 150,000.00 |
| 4 | KLANG | KERJA-KERJA SENGGARAAN LAMPU ISYARAT NEGERI DI SIMPANG KG. DELEK, RAJA NONG, TENGGU KELANA DAN JALAN RAJA LUMU, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN | 200,000.00 |
| 5 | KLANG | KERJA-KERJA SENGGARAAN LAMPU ISYARAT NEGERI DI SIMPANG JALAN KEBUN BARAT DAN SIMPANG BERJAYA PARK DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN | 100,000.00 |
| 1 | KLANG | KERJA-KERJA SENGGARAAN LAMPU JALAN NEGERI DI JALAN KEMUNING PRIMA, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN | 50,000.00 |
| 2 | KLANG | KERJA-KERJA SENGGARAAN LAMPU JALAN NEGERI DIJALAN DATO MAT SIDIN, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN | 50,000.00 |
| 1 | KLANG | KERJA-KERJA SENGGARAAN LAMPU JALAN NEGERI DIJALAN KEBUN TAMBAHAN, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN | 50,000.00 |
| 2 | KLANG | KERJA-KERJA SENGGARAAN LAMPU JALAN NEGERI DI JALAN KEBUN NENAS, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN | 50,000.00 |
| JUMLAH (RM) | | | 1,100,000.00 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : AKHBAR SELANGORKINI

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kerajaan mengkaji keberkesanan akhbar Selangorkini menyampaikan mesej kerajaan kepada rakyat?

- b) Apakah usaha yang akan dilakukan demi meningkatkan prestasi akhbar Selangorkini?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : KEBERSIHAN SUNGAI BERHAMPIRAN INDUSTRI TERNAKAN KHINZIR
DI DUN TANJUNG SEPAT**

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tahap indeks kualiti air sungai di DUN Tanjung Sepat yang berdekatan dengan setiap lokaliti industri ternakan khinzir

- b) Apa mekanisme JPS Kuala-Langat dan Sepang dalam memastikan tahap indeks-kualiti air sentiasa dalam tahap kebersihan yang maksimum di sekitar industri ternakan tersebut

JAWAPAN:

- a) Lembaga tiada data dan maklumat bagi perkara ini memandangkan tiada stesen pemantauan sama ada automatik mahupun manual di kawasan yang ditanyakan.

Stesen pemantauan kualiti air sungai hanya berada di dalam Lembangan Sungai Langat dan yang terdekat dengan Tanjung Sepat adalah Stesen Sungai Batang Labu di Kampung Orang Asli Bukit Tadong yang jaraknya 18 km dari Tanjung Sepat. Indeks kualiti air sungai di stesen ini adalah kelas ketiga.

- b) Untuk makluman, penternakan khinzir di DUN Tanjung Sepat dikawalselia oleh Jabatan Veterinar dan Jabatan Alam Sekitar di mana Jabatan tersebut mengawal kualiti pelepasan air kumbahan sebelum masuk ke dalam sungai yang terdekat. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) hanya menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai yang melibatkan skop kerja pengorekan dan juga pembaikan tebing sekiranya perlu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : TELAGA AIR PANAS TERBESAR DI HULU LANGAT

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan pembangunan kerajaan untuk telaga air panas artesian terbesar di Malaysia di Hulu Langat?

JAWAPAN:

- a) Lawatan tapak penemuan telaga air panas di Masjid Kg. Jawa Hulu Langat bersama YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan bersama wakil dari Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat (PDTHL), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah diadakan pada 26 Disember 2019. Hasil semakan mendapati tapak telaga air panas tersebut berada dalam kawasan tanah wakaf di bawah seliaan pengurusan Masjid Kg. Jawa. Pihak JMG merupakan pihak yang memantau sumber air panas tersebut. Pihak MPKj tidak mempunyai bidang kuasa ke atas kawasan tersebut. Buat masa ini, pihak MPKj tidak mempunyai apa-apa perancangan sehingga arahan dari semasa ke semasa dikeluarkan oleh pihak kerajaan negeri memandangkan kawasan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat.